

20 MAR 1996

Koh - Rumah

BENTUK MEKANISME ATASI MASALAH PENGUATKUASAAN DASAR PERUMAHAN, KATA KOH

PULAU PINANG, 20 Mac (Bernama) -- Kerajaan perlu membentuk satu mekanisme yang disokong oleh undang-undang mengenai cara penyelesaian terhadap masalah menguatkuasakan peraturan berhubung dasar perumahan kos rendah agar ia selaras di seluruh negara.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata, mekanisme yang akan dibentuk itu perlu disokong oleh penguatkuasaan undang-undang sama ada dalam bentuk enakmen atau undang-undang kecil bagi memastikan pemaju yang engkar mematuhi dasar perumahan melaksanakan tanggungjawab dan mematuhi peraturan berkenaan.

Beliau berkata, perlu ada persefahaman antara kerajaan-kerajaan negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyelaraskan cara bagaimana menguatkuasakan keperluan dasar perumahan kos rendah atau syarat berhubung penyertaan Bumiputera terhadap para pemaju bagi mengelak negeri-negeri mengambil tindakan yang berbeza mengikut keperluan masing-masing.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai keputusan Kabinet bahawa pihak berkuasa tempatan mesti mengeluarkan Sijil Layak Menduduki (CF) dalam tempoh enam bulan selepas pembinaan bangunan siap dan memenuhi syarat.

Menurut Perdana Menteri, syarat lain yang tidak berkaitan seperti peruntukan khas 30 peratus untuk Bumiputera tidak boleh menghalang pemberian CF dan ada kerajaan negeri yang gagal memberi CF hanya kerana pemaju tidak memenuhi syarat yang tidak berkaitan sehingga menyebabkan pemaju dan pembeli mengalami kerugian.

Baru-baru ini kerajaan Pulau Pinang mengarahkan majlis kerajaan tempatan supaya tidak mengeluarkan CF kepada mana-mana pemaju, yang telah menyiapkan projek perumahan mewah dan kos sederhana rendah tetapi gagal memenuhi syarat pembinaan 30 peratus perumahan kos rendah dalam projek perumahan mereka, sebagai cara "memaksa" pemaju mematuhi dasar perumahan negeri.

Dr Koh berkata, kerajaan negeri memang mematuhi keputusan Kabinet itu tetapi berharap satu mekanisme atau garis panduan yang lebih konkrit dapat dibentuk kerana daripada segi undang-undang tiada peruntukan di bawahnya atau undang-undang kecil yang memaksa bahawa sesuatu kuota itu misalnya rumah kos rendah mesti dipenuhi sebelum CF dikeluarkan.

"Tetapi apa yang telah dibangkitkan pada mesyuarat antara ketua menteri dan menteri besar dengan PM ialah kita mesti mencari mekanisme dan jika perlu garis panduan untuk pastikan bahawa keperluan dasar perumahan kos rendah dan penyertaan Bumiputera dapat dikuatkuasakan," katanya.

Sebab itu kerajaan negeri menggunakan isu CF sebagai cara untuk memastikan dasar perumahan negeri dipatuhi kerana ia tidak mempunyai sesuatu yang boleh mencegah pemaju menyeleweng, katanya.

Dr Koh bagaimanapun berkata, hanya dua atau tiga pemaju sahaja di negeri ini yang tidak mematuhi peraturan itu dan isu CF digunakan bagi "memaksa" mereka berbuat demikian.

"Kalau tidak, lebih baik tidak ada dasar sebab kita tidak ada sesuatu yang boleh cegah pemaju menyeleweng. Itu yang menjadi isu pokok bagi kami," katanya.

-- BERNAMA.

ZU OBA.

